



KOPERASI PEKERJA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BERHAD (KOSPEMA BERHAD)

No. Pendaftaran : P-4-0256

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-21

Tarikh : 25 September 2024 (Rabu)
Masa : 2.30 Petang
Tempat : Auditorium MBSP
Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama
Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam

(UNTUK ANGGOTA KOSPEMA BERHAD SAHAJA)

Sila bawa bersama buku laporan ini semasa membuat pendaftaran

(Pendaftaran bermula jam 2.00 petang hingga 2.30 petang sahaja)

MENARA BANDARAYA, JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA, 14000 BUKIT MERTAJAM

TEL:04-5497791

E-mail: www.kospema@mbsp.gov.my

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Notis Mesyuarat Agung Tahunan Yang Ke-21/2024	
Maklumat Koperasi	
Minit Mesyuarat Agung Tahunan Yang Ke-20/2023	
Laporan Tahunan 2023/2024	
Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman	
Pandangan Ketua Pendaftar Di Bawah Seksyen (2) Akta Koperasi 1993 Ke Atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir pada 31 Mac 2024	
Laporan dan Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2024	
Memilih Anggota-anggota Lembaga di bawah perenggan (d) fasal (1) Undang-Undang Kecil 32 dan 36.	
Anggaran Belanjawan bagi Tahun 2026	
Membincang Usul-usul Lembaga & Anggota	



**KOPERASI PEKERJA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BERHAD
(KOSPEMA BERHAD) P-4-0256**

d/a Menara Bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai, Jalan Perda Utama, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam

Telefon: 04-5497791

ATUR CARA

**Mesyuarat Agung Tahunan
Koperasi Pekerja Majlis Bandaraya Seberang Perai
Berhad (KOSPEMA BERHAD)
Kali Ke-21 Tahun 2024**

Tarikh: 25 September 2024; Masa: 2.30 petang

Tempat: Auditorium MBSP

2.00 PETANG - 2.30 PETANG	<ul style="list-style-type: none">• PENDAFTARAN ANGGOTA KOPERASI
2.45 PETANG	<ul style="list-style-type: none">• UCAPAN ALUAN PENGERUSI MESYUARAT• BACAAN DOA• UCAPAN PENGERUSI KOPERASI KOSPEMA BERHAD PUAN LATIFAH BINTI RAZALI• UCAPAN & PERASMIAN OLEH YBHG. ENCIK MOHD IBRAHIM BIN MD NOR SETIAUSAHA BANDARAYA, MBSP
3.00 PETANG	MESYUARAT AGUNG TAHUNAN DIMULAKAN



KOPERASI PEKERJA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BERHAD
(KOSPEMA BERHAD) P-4-0256

d/a Menara Bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai
Jalan Perda Utama Bandar Perda, 14000 BUKIT MERTA JAM
Tel: 04-5497445 / 791 / 748 Email: kospema@mbps.gov.my

Ruj. Kami : KOSPEMA/SU/2024
Tarikh : 2 September 2024

**Tuan Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai**

Tuan,

**PERMOHONAN PELEPASAN UNTUK MENGHADIRI MESYUARAT AGUNG
TAHUNAN KOPERASI PEKERJA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
BERHAD (KOSPEMA) KALI KE-21 TAHUN 2024**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Pekerja Majlis Bandaraya Seberang Perai Berhad (KOSPEMA Berhad) Kali Ke-21 Tahun 2024 akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 25 September 2024 (Rabu)
Jam : 2.00 Petang
**Tempat : Auditorium MBSP, Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam**

2. Sehubungan itu, Koperasi KOSPEMA Berhad memohon pertimbangan dan kelulusan tuan untuk memberi pelepasan mulai jam 2.00 petang hingga 5.30 petang kepada semua anggota Koperasi KOSPEMA Berhad bagi menghadiri mesyuarat tersebut.

3. Kerjasama dan kelulusan tuan dalam hal ini amat diharapkan dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,

(JAMALUDIN BIN MAT)

Setiausaha

Koperasi Pekerja Majlis Bandaraya Seberang Perai Berhad



Setiausaha KOSPEMA Berhad,

Permohonan pelepasan mulai jam 2.00 petang hingga 5.30 petang kepada semua anggota Koperasi KOSPEMA Berhad bagi menghadiri mesyuarat tersebut adalah :-

* **Diluluskan / Ditolak**

(MOHD IBRAHIM BIN MD NOR)

Setiausaha Bandaraya

Tarikh: 2 September 2024



**KOPERASI PEKERJA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BERHAD
(KOSPEMA BERHAD) P-4-0256**

d/a Menara Bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai
Jalan Perda Utama Bandar Perda, 14000 BUKIT MERTAJAM

Ruj. Kami : KOSPEMA/SU/2024
Tarikh : 12 September 2024

Kepada:

Semua Anggota Lembaga / Jawatankuasa Audit Dalaman
& Anggota Koperasi Pekerja Majlis Bandaraya Seberang Perai Berhad
(KOSPEMA Berhad)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera,

**NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-20 TAHUN 2023
KOPERASI PEKERJA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BERHAD**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-20 Tahun 2023 Koperasi Pekerja Majlis Bandaraya Seberang Perai Berhad akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 25 September 2024 (Rabu)
Masa : 2.30 Petang
Pendaftaran : 2.00 petang hingga 2.30 petang sahaja
**Tempat : Auditorium MBSP, Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam**

2. Agenda

- 2.1 Melantik seorang Pengerusi Mesyuarat & Pencatat Minit;
- 2.2 Ucapan Pengerusi Mesyuarat;
- 2.3 Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-20/2023 yang telah diadakan pada 24 Oktober 2023;
- 2.4 Menimbang laporan-laporan Lembaga & Jawatankuasa Audit Dalaman & pandangan Ketua Pendaftar mengenai akaun-akaun teraudit bagi Penyata Kewangan Berakhir 31 Mac 2024;
- 2.5 Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit Koperasi bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2024 bersama pembahagian keuntungan Koperasi dan laporan Juruaudit Koperasi;
- 2.6 Memilih empat (4) Anggota Lembaga di bawah perenggan (d) fasal (1) Undang-Undang Kecil 32 dan 36;
- 2.7 Menimbang dan meluluskan anggaran belanjawan tahunan bagi tahun 2026;

- 2.8 Meluluskan Elaun-elaun kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman;
- 2.9 Meluluskan suatu panel yang terdiri daripada tidak kurang dua (2) firma audit untuk dipilih salah satu daripadanya bagi mengaudit akaun-akaun Koperasi;
- 2.10 Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga untuk menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan RM3,000,000.00 ke mana-mana institusi kewangan yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia;
- 2.11 Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga untuk menetapkan had maksimum keterhutangan Koperasi sebanyak RM3,000,000.00.
- 2.12 Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang anggota koperasi dan empat (4) orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan;
- 2.13 Membincang dan meluluskan cadangan pindaan Undang-undang Kecil Koperasi (jika ada);
- 2.14 Membincang Usul-usul Lembaga dan Anggota yang diterima tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan.

Sekian, harap maklum.


Dengan Perintah Lembaga Koperasi,

JAMALUDIN BIN MAT

Setiausaha

Koperasi Pekerja Majlis Bandaraya Seberang Perai Berhad
(KOSPEMA Berhad)

s.k.: Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 5, Bangunan Tuanku Syed Putra
Peti Surat 429
10750 PULAU PINANG

The background features a large, stylized blue geometric shape, possibly a letter 'K' or a similar symbol, composed of several overlapping, semi-transparent blue polygons. The text is centered within this shape.

**MAKLUMAT
KOPERASI
KOSPEMA
BERHAD**

Anggota-Anggota Lembaga**Pengerusi**

Puan Latifah bt. Razali

Setiausaha

Encik Jamaludin bin Mat

Bendahari

Encik Shamshul Izanis Bin Abdul Talib

Anggota-Anggota

Cik Azliza binti Ishak
Encik Abdul Halim bin Yahaya
Puan Norita binti Zulkifly
Puan Siti Hajar binti Omar
Encik Ahmad Asrulddin bin Ahmad Kamaluddin
Encik Mohd Naim bin Mohd Ali
Puan Rosilah binti Abd Rashid
Encik Muhamad Nasir bin Ramli
Puan Norihan binti Ismail

Warga Kerja: - Tiada -

Kedai KOSPEMA (Disewakan)

Ilham Pedusi Enterprise
F-14-07, Kondo Mutiara
Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam

Kafeteria Di Komplek Sukan MPSP, Jalan Betek

- KOSONG -

Kompleks Makanan MBSP di Kg Jawa, Butterworth

- KOSONG -

Jawatankuasa Audit Dalaman**Pengerusi**

Puan Nazirah binti Darus

Ahli Jawatankuasa

Encik Muhammad Taufiq bin Zainal Abidin
Puan Rasshadah binti Kechil

Alamat Berdaftar

Majlis Bandaraya Seberang Perai
Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam

Telefon : 04-5497791

Faksimili : -

Bank

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD
Cawangan Taman Selat, Butterworth
Cawangan Bandar Perda, Bukit Mertajam

Co-op Bank Pertama
Cawangan Taman Selat, Butterworth

Bank Rakyat Cawangan Bandar Perda,
Bukit Mertajam

Juru Audit Luar

Tetuan Hisham & Co (AF 1491)
B-5-5, 5th Floor
Sunway Business Park
Seberang Jaya
13700 Perai

Tarikh Daftar : 10 Disember 2003

No. Pendaftaran : P-4-0256

No. Rujukan : JPK.P.P.05/01/256/(1)



KOPERASI PEKERJA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BERHAD
(KOSPEMA BERHAD) P-4-0256

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSPEMA BERHAD KALI KE-20 TAHUN 2023

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
KOPERASI PEKERJA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BERHAD
(KOSPEMA BERHAD)
KALI KE- 20 TAHUN 2023**

Tarikh : 24 Oktober 2023 (Selasa)
Masa : 2.30 Petang
Tempat : Auditorium MBSP, Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam

A. Kehadiran Anggota

257 Anggota

B. Anggota Lembaga - Hadir

- | | | | |
|-----|--|---|-----------------|
| 1. | Puan Latifah binti Razali | - | Pengerusi |
| 2. | Encik Jamaludin bin Mat | - | Setiausaha |
| 3. | Encik Ahmad Asrulddin bin Ahmad Kamaluddin | - | Bendahari |
| 4. | Encik Abdul Halim bin Yahaya | - | Anggota Lembaga |
| 5. | Cik Azliza binti Ishak | - | Anggota Lembaga |
| 6. | Puan Noorita binti Zulkifly | - | Anggota Lembaga |
| 7. | Puan Siti Hajar binti Omar | - | Anggota Lembaga |
| 8. | Encik Shamsul Izanis bin Abd. Talib | - | Anggota Lembaga |
| 9. | Encik Muhamad Nasir bin Ramli | - | Anggota Lembaga |
| 10. | Puan Norihan binti Ismail | - | Anggota Lembaga |
| 11. | Encik Mohd Naim bin Mohd Ali | - | Anggota Lembaga |

Tidak Hadir (Dengan Maaf)

- | | | | |
|----|-------------------------------|---|-----------------|
| 1. | Puan Rosilah binti Abd Rashid | - | Anggota Lembaga |
|----|-------------------------------|---|-----------------|

C. Jawatankuasa Audit Dalaman

- | | | | |
|----|---|---|-------------------|
| 1. | Puan Nazirah binti Darus | - | Pengerusi |
| 2. | Encik Muhammad Taufiq bin Zainal Abidin | - | Ahli Jawatankuasa |
| 3. | Puan Rasshadah binti Kechil | - | Ahli Jawatankuasa |

D. Juruaudit Luar

1. Tetuan Hisham & Co. (tidak hadir)

E. Wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia

1. Encik Syahrul Aidil bin Mohammad Tajuddin

1. AGENDA MESYUARAT

1.1 Melantik seorang Pengerusi Mesyuarat & Pencatat Minit

Setiausaha koperasi Encik Jamaludin bin Mat mengumumkan bahawa kehadiran anggota adalah seramai 257 orang daripada 508 orang yang layak. Beliau meminta anggota koperasi yang hadir mencadangkan nama untuk dipilih sebagai Pengerusi Mesyuarat dan juga seorang Pencatat Minit.

Mesyuarat bersetuju melantik Puan Latifah binti Razali sebagai Pengerusi Mesyuarat atas cadangan Encik Jamaludin bin Mat dan disokong oleh Puan Nor Azimah binti Ismail manakala Encik Jamaludin bin Mat dilantik sebagai Pencatat Minit Mesyuarat atas cadangan Encik Muhammad Nasir bin Salam dan disokong oleh Puan Rafidah binti Abdul Majid dan mesyuarat bersetuju sebulat suara.

1.2 Ucapan Pengerusi Mesyuarat

Puan Latifah binti Razali selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan terima kasih di atas pelantikan beliau bagi mempengerusikan mesyuarat. Beliau berharap agar mesyuarat dapat dijalankan dengan lancar dan teratur serta anggota koperasi dapat memberi pendapat dan cadangan yang bernas untuk manfaat kepada anggota dan koperasi.

1.3 Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-19/2022 yang telah diadakan pada 18 Oktober 2022

Pengerusi Mesyuarat membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Pekerja Majlis Perbandaran Seberang Perai Berhad bagi kali yang Ke-19 Tahun 2022 dan dicadang untuk disahkan oleh Puan Norhaida binti Omar dan disokong oleh Encik Ahmad Fairus Bin Abdul Rahman dan mesyuarat bersetuju sebulat suara.

1.4 Menimbang Laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman & Pandangan Ketua Pendaftar mengenai Akaun-akaun Teraudit bagi Penyata Kewangan Berakhir pada 31 Mac 2022

Bendahari membentangkan laporan tersebut dan dicadang untuk pengesahan oleh Encik Muhammad Nasir bin Salam dan disokong oleh Puan Nor Azimah binti Ismail dan mesyuarat bersetuju sebulat suara.

1.5 Menimbang dan Meluluskan Akaun-akaun Teraudit Koperasi bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Mac 2023 bersama Pembahagian Keuntungan Koperasi dan Laporan Juruaudit Koperasi

Bendahari membentangkan Akaun-akaun Teraudit Koperasi bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2023 bersama Pembahagian Keuntungan Koperasi serta Laporan Juruaudit Luar Koperasi.

Mesyuarat mengambil keputusan dan bersetuju atas cadangan Puan Rafidah binti Abdul Majid dan disokong oleh Puan Zuraida binti Mat Isa dan mesyuarat menerima dengan sebulat suara.

1.6 Memilih Empat (4) Anggota Lembaga Di Bawah Perenggan (d) Fasal (1) Undang-undang Kecil 32 dan 36 dan satu (1) Anggota Lembaga di bawah fasal (4) Undang-Undang Kecil 36

Pengerusi memaklumkan bahawa empat (4) Anggota Lembaga telah cukup tempoh perkhidmatan di bawah Perenggan (d) Fasal (1) Undang-undang Kecil 32 dan 36 dan satu (1) Anggota Lembaga di bawah fasal (4) Undang-Undang Kecil 36. Mereka adalah terdiri daripada:-

1. Puan Norita binti Zulkifly
2. Puan Siti Hajar binti Omar
3. Encik Shamsul Izanis bin Abd Talib
4. Puan Norihan binti Ismail

Para perwakilan pada hari ini diminta mencalonkan dan memilih empat (4) Anggota Lembaga bagi tempoh tiga (3) tahun.

- a) Encik Syarulnizam Bin Mat Isa mencadangkan empat (4) nama tersebut untuk dipilih semula sebagai Anggota Lembaga dan disokong oleh Encik Md Jalaini Bin Abdul Hamid.
- b) Encik Muhammad Nasir bin Salam mencadangkan agar cadangan ditutup dan disokong oleh Encik Ahmad Fairus Bin Abdul Rahman.

Pengerusi Mesyuarat mengisytiharkan nama-nama Anggota Lembaga yang dipilih untuk tempoh tiga (3) tahun adalah seperti berikut:-

1. Puan Norita binti Zulkifly
2. Puan Siti Hajar binti Omar
3. Encik Shamsul Izanis bin Abd Talib
4. Puan Norihan binti Ismail

1.7 Menimbang dan Meluluskan Anggaran Belanjawan Tahunan Untuk Tahun Berakhir 31 Mac 2025

Pengerusi Mesyuarat membentangkan Anggaran Belanjawan Tahunan untuk tahun berakhir 31 Mac 2025. Mesyuarat bersetuju meluluskan Anggaran Belanjawan Tahunan bagi tempoh tersebut atas cadangan Puan Nabilah binti Manan dan disokong oleh Encik Muhammad Nasir bin Salam dan mesyuarat menerima dengan sebulat suara.

1.8 Meluluskan Elaun-Elaun kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman

Pengerusi Mesyuarat membentangkan Elaun-elaun Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman. Mesyuarat sebulat suara bersetuju meluluskan Elaun-elaun Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman atas cadangan Puan Zurina binti Hussin dan disokong oleh Encik Ahmad Fairus Bin Abdul Rahman.

1.9 Meluluskan Pelantikan Suatu Panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada Dua (2) Firma Audit untuk dipilih salah satu daripadanya bagi mengaudit Akaun-akaun Koperasi

Pengerusi memaklumkan bahawa terdapat tiga (3) panel firma-firma yang diperakui untuk dipilih sebagai Juruaudit koperasi seperti berikut:-

- i. Hisham & Co. Chartered Accountants (M)
- ii. Aj Isma & Partners
- iii. Tetuan Abdul Raji & Co (AF 1064)

Mesyuarat sebulat suara bersetuju supaya diberi kuasa kepada Anggota Lembaga untuk urusan pemilihan panel audit ini atas cadangan Encik Mohd Tasnim bin Zulkifli dan disokong oleh Encik Ahmad Fairus Bin Abdul Rahman.

1.10 Memberi Kuasa kepada Anggota Lembaga untuk menimbang dan meluluskan skop & had pelaburan RM3 juta ke mana-mana institusi kewangan yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju meluluskan skop dan had pelaburan daripada wang berlebihan tidak melebihi RM3 juta atas cadangan Puan Rafidah binti Abdul Majid dan disokong oleh Puan Nor Azimah binti Ismail.

1.11 Memberi Kuasa kepada Anggota Lembaga untuk Menetapkan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi sebanyak RM3 juta.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju meluluskan had maksimum keterhutangan sebanyak RM3 juta atas cadangan Puan Rafidah binti Abdul Majid dan disokong oleh Puan Nor Azimah binti Ismail.

1.12 Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 20 Tahun 2023.

Pengerusi membuka pencalonan kepada anggota yang hadir untuk melantik satu jawatankuasa terdiri daripada enam (6) anggota sebagai Ahli Jawatankuasa untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Tahunan atas cadangan dan sokongan seperti berikut:-

NO	Nama Jawatankuasa Membantuahkan Draf	Nama Pencadang	Nama Dasyokong
i.	Puan Rafidah binti Abdul Majid	Puan Nor Azimah binti Ismail	Encik Muhammad Nasir bin Salam
ii.	Encik Muhammad Nasir bin Salam	Puan Noorita binti Zulkifly	Encik Md Jalaini Bin Abdul Hamid

iii.	Encik Megat Mohamad Fazwan Bin Mohd Noor	Puan Norhaida binti Omar	Puan Siti Hajar binti Omar
iv.	Puan Norhaida binti Omar	Puan Norihan binti Ismail	Cik Azliza binti Ishak
v.	Puan Nor Azimah binti Ismail	Encik Abdul Halim bin Yahaya	Puan Rafidah binti Abdul Majid
vi	Puan Zurina binti Hussin	Cik Azliza binti Ishak	Puan Nor Azimah binti Ismail

Encik Md Jalaini Bin Abdul Hamid mencadangkan agar cadangan ditutup dan disokong oleh Encik Muhammad Nasir bin Salam dan dipersetujui oleh semua anggota yang hadir.

Pengerusi Mesyuarat mengisytiharkan nama-nama enam (6) anggota Ahli Jawatankuasa tersebut sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-20 Tahun 2023.

Seterusnya Pengerusi memaklumkan pelantikan empat (4) orang Ahli Jawatankuasa terdiri dari kalangan Anggota Lembaga akan dibuat kemudian dan dipersetujui sebulat suara oleh semua anggota yang hadir.

1.13 Membincang dan meluluskan cadangan pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi (jika ada)

- Tiada -

1.14 Membincang Usul-usul Lembaga dan Anggota yang diterima tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung ini.

Mesyuarat dimaklumkan terdapat satu (1) usul daripada pihak Lembaga dan lima (5) usul daripada pihak anggota yang akan dibincangkan dalam mesyuarat ini seperti berikut:-

A : USUL LEMBAGA

Pihak Anggota Lembaga Koperasi (ALK) mengusulkan agar ditamatkan perkhidmatan **Hong Leong MSIG Takaful Insuran** dan diberi mandat kepada Koperasi Pekerja MBSP Berhad untuk menguruskan sendiri Takaful Insuran dengan beberapa

penambahbaikan dan diberi nama **Kumpulan Wang Perlindungan Anggota (KWPA)** KOSPEMA Berhad.

Cadangan usul ALK telah dibentangkan oleh Puan Siti Hajar binti Omar.

Setelah mendapat beberapa pandangan dan cadangan daripada anggota koperasi yang hadir, mesyuarat akhirnya bersetuju meluluskan Usul Lembaga tersebut atas cadangan Puan Norhaida binti Omar dan disokong oleh Encik Mohd Hafiz bin Mahamad Kamal dan dipersetujui sebulat suara oleh semua anggota yang hadir.

B : USUL ANGGOTA

1. Mengusulkan agar Modal Syer dinaikkan daripada RM100.00 kepada RM1,000.00 dan dikira juga untuk bayaran dividen.
 - ***Wakil daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Pulau Pinang mencadangkan usul ini dibawa ke mesyuarat Lembaga untuk pertimbangan dan seterusnya disediakan Aturan yang sewajarnya.***
2. Mengusulkan mesyuarat diadakan secara hibrid (bersemuka dan online) dimana ahli yang tidak dapat hadir juga berpeluang untuk mengundi.
 - ***Wakil daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Pulau Pinang mencadangkan agar anggota hadir secara bersemuka / fizikal. Kelulusan untuk mesyuarat secara hybrid hanya dipertimbangkan semasa pandemik Covid 19 sahaja.***
3. Mengusulkan agar semua tuntutan insuran bermalam di Hospital yang masih belum dibayar oleh pihak Hong Leong MSIG Takaful Insuran dibayar oleh pihak koperasi.
 - ***Mesyuarat bersetuju atas usul tersebut.***
4. Mengusulkan agar dilantik Penolong Bendahari / melantik biro-biro untuk menguruskan tuntutan dan hal berkaitan kewangan.
 - ***Akan dibincangkan dan dipertimbangkan dalam mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi.***

5. Mengusulkan akan dipercepatkan urusan dan proses kelulusan pinjaman / sumbangan / tuntutan.

- ***Akan dibincangkan dalam mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi.***

2.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.35 petang. Pengerusi Mesyuarat mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang hadir.











Minit Dicatat Oleh:

Minit Diluluskan Oleh:

(JAMALUDIN BIN MAT)
Setiausaha Mesyuarat

(LATIFAH BINTI RAZALI)
Pengerusi KOSPEMA Berhad

**SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT MENENTUSAHKAN DRAF MINIT
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI PEKERJA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BERHAD (KOSPEMA BERHAD)
KALI KE-20 PADA 24 OKTOBER 2023 (SELASA)**

BIL	NAMA	TANDATANGAN
1.	Puan Latifah binti Razali	
2.	Encik Jamaludin bin Mat	
3.	Encik Shamsul Izanis bin Abd. Talib	
4.	Encik Ahmad Asrulddin bin Ahmad Kamaluddin	
5.	Puan Rafidah binti Abdul Majid	
6.	Encik Muhammad Nasir bin ^{Abdul} Salam	
7.	Encik Megat Mohamad Fazwan bin Mohd Noor	
8.	Puan Norhaida binti Omar	
9.	Puan Nor Azimah binti Ismail	
10.	Puan Zurina binti Hussin	

Kami dengan ini telah meneliti dan menyemak Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-20 (Tahun 2023) dan bersetuju menentukannya di dalam satu Mesyuarat Jawatankuasa Menentusahkan Deraf Minit tersebut yang diadakan Pada 7 November 2023.

Disediakan Oleh:



(JAMALUDIN BIN MAT)

Setiausaha
Koperasi Pekerja MPSP Berhad

Disahkan Oleh:



(LATIFAH BINTI RAZALI)

Pengerusi
Koperasi Pekerja MPSP Berhad

○

○



**KOPERASI PEKERJA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BERHAD
(KOSPEMA BERHAD) P-4-0256**

LAPORAN TAHUNAN ANGGOTA LEMBAGA BAGI TAHUN 2023/2024

LAPORAN TAHUNAN ANGGOTA LEMBAGA BAGI TAHUN 2023/2024

Anggota-Anggota Koperasi Pekerja Majlis Bandaraya Seberang Perai Berhad (KOSPEMA)

Bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dengan sukacitanya saya membentangkan Laporan Tahunan Koperasi KOSPEMA bagi tahun 2023/2024 yang mengandungi maklumat-maklumat berhubung aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Untuk makluman, mesyuarat Anggota Lembaga telah memutuskan untuk menggunakan KOSPEMA sebagai singkatan terhadap Koperasi Pekerja Majlis Bandaraya Seberang Perai Berhad.

1. STRUKTUR ORGANISASI KOPERASI

1.1 Anggota Lembaga Koperasi (ALK)

Lembaga pada umumnya bertanggungjawab untuk memastikan pentadbiran serta pengurusan Koperasi dikendalikan dengan sistematik dan teratur. Pada tahun 2023/2024 pengurusan Koperasi KOSPEMA Berhad ditadbirkan oleh 12 orang Anggota Lembaga.

Anggota Lembaga Koperasi (ALK)	Jawatan
Puan Latifah binti Razali	Pengerusi
Encik Jamaludin bin Mat	Setiausaha
Encik Shamsul Izanis bin Abd Talib	Bendahari
Cik Azliza binti Ishak	Anggota Lembaga
Encik Abdul Halim bin Yahaya	Anggota Lembaga
Puan Norita binti Zulkify	Anggota Lembaga
Puan Siti Hajar binti Omar	Anggota Lembaga
Encik Mohd Naim bin Mohd Ali	Anggota Lembaga
Encik Muhamad Nasir bin Ramli	Anggota Lembaga
Puan Rosilah binti Abd Rashid	Anggota Lembaga
Puan Norihan binti Ismail	Anggota Lembaga
Encik Ahmad Asruddin bin Ahmad Kamaluddin	Anggota Lembaga

LAPORAN TAHUNAN 2023 / 2024

1.2 Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi (ALK)

Mengikut Undang-undang Kecil Koperasi Perenggan 39(2), Mesyuarat Lembaga hendaklah diadakan sekurang kurangnya sekali dalam dua bulan. Pada sesi 2023/2024 mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi telah diadakan seperti berikut:

1.2.1 Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi (ALK)

BIL	NAMA	24 Okt 2023	07 Nov 2023	29 Jan 2024	05 April 2024	13 Jun 2024	18 Julai 2024	JUM
1.	Puan Latifah binti Razali	H	H	H	H	O	H	5
2.	Encik Jamaludin bin Mat	H	H	H	H	H	H	6
3.	Encik Shamsul Izanis bin Abd. Talib	H	H	H	H	H	H	6
4.	Encik Abdul Halim bin Yahaya	H	H	H	H	H	H	6
5.	Cik Azliza binti Ishak	H	O	H	H	H	H	5
6.	Puan Noorita bt Zulkify	H	H	H	H	H	H	6
7.	Puan Siti Hajar binti Omar	H	O	H	H	H	H	5
8.	Encik Mohd Naim bin Mohd Ali	H	O	H	O	H	H	4
9.	Puan Rosilah binti Abd Rashid	O	H	O	H	H	H	4
10.	Encik Muhammad Nasir bin Ramli	H	H	H	H	H	H	6
11.	Puan Norihan binti Ismail	H	H	H	H	H	H	6
12.	Encik Ahmad Asrulddin bin Ahmad Kamaluddin	H	H	-	-	-	-	2
	Jumlah Kehadiran	11	9	10	10	10	11	61

Nota: H=Hadir O=Tidak Hadir

LAPORAN TAHUNAN 2023 / 2024

1.2.2 Selain itu, bagi sesi 2023/2024 juga KOSPEMA telah mengadakan sebanyak 4 kali mesyuarat khas pada tarikh-tarikh seperti di bawah bagi membincang dan membuat keputusan segera bagi sesuatu projek dan peluang serta memutuskan hal-hal yang memerlukan pertimbangan segera.

Bil	Tarikh	Tujuan / Perkara	Kehadiran ALK
1.	13/06/2024	Mesyuarat Khas Anggota Lembaga Koperasi Pekerja Majlis Bandaraya Seberang Perai Berhad	10
2.	14/12/2023	Mesyuarat Khas Proses Penyediaan Maklumat dan Dokumen Tender "Bekalan T-Shirt"	3
3.	10/07/2024	Mesyuarat Khas Penyediaan Makanan dan Minuman untuk Program Bengkel Permurnian Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030	3
4.	26/03/2024	Mesyuarat Khas Bersama Pembekal dan MBSP Berhubung Bekalan T-Shirt dan Tag Nama untuk Kakitangan MBSP 2024 dan 2025	2
5.	18/03/2024	Mesyuarat Khas Bersama Pembekal "Bekalan T-Shirt"	4
6.	16/02/2024	Mesyuarat Khas Pengurusan Bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia	4
7.	16/02/2024	Mesyuarat Khas Pengurusan Koperasi Pekerja Majlis Bandaraya Seberang Perai Berhad	3
8.	26/06/2024	Menyerahkan Sumbangan Kepada Puan Habibah Binti Ismail	11
9.	05/08/2024	Kunjungan Hormat YB Exco Koperasi Tn Fahmi Bin Zainol	9
10.	08/08/2024	Lawatan ke Kuala Lumpur	4
11.	13/08/2024	Mesyuarat Rundingan Harga bagi Projek Notis Kadaran 2025	3

LAPORAN TAHUNAN 2023 / 2024

1.3 Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD)

1.3.1 Anggota-anggota Jawatankuasa Audit Dalaman adalah seramai 3 (tiga) orang yang mana terdiri daripada anggota-anggota yang dilantik oleh Lembaga, menurut perenggan (g) undang-undang kecil 41.

1.3.2 Bagi sesi 2023/2024 ini anggota Jawatankuasa Audit Dalaman yang dilantik adalah terdiri daripada:

BIL	NAMA	JAWATAN	JABATAN
1.	Puan Nazirah binti Darus	Pengerusi	Perbendaharaan
2.	Encik Muhammad Taufiq bin Zainal Abidin	Ahli Jawatankuasa	Bangunan
3.	Puan Rasshadah binti Kechil	Ahli Jawatankuasa	Kesihatan

1.3.3 Kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Jawatankuasa Audit Dalaman mengikut Akta Koperasi 1993 hendaklah memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tidak secara langsung dengan Koperasi.

1.3.4 Jawatankuasa ini juga pada setiap masa, mempunyai akses kepada segala buku, akaun dan dokumen Koperasi.

2 Pentadbiran KOPERASI

2.1 Bagi memantapkan pengurusan koperasi, KOSPEMA Berhad telah menghantar Anggota Lembaga Koperasi dan Juruaudit Dalaman serta beberapa pegawai menghadiri kursus / seminar / mesyuarat / lawatan kerja koperasi seperti berikut:-

BIL	NAMA PESERTA	TARIKH	NAMA KURSUS & TEMPAT	ANJURAN
1.	Latifah Binti Razali Norita Binti Zulkifly Muhammad Nasir Bin Ramli	15/5/2023	Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri CBP 2023 di The Light Hotel, Seberang Jaya.	Coop Bank Pertama
2.	Azliza Binti Ishak	25/8/2023	Bengkel Pembangunan Perniagaan Koperasi Kariah Masjid Negeri Pulau Pinang 2023.	Angkasa Malaysia

LAPORAN TAHUNAN 2023 / 2024

3.	Azliza Binti Ishak Siti Hajar Binti Omar	13/9/2023 Hingga 14/9/2023	Kursus Pengurusan Strategik (Wajib 3) di Ixora Hotel, Pulau Pinang	Institut Koperasi Malaysia
4.	Jamaludin Bin Mat Ahmad Asrulddin Bin Ahmad Kamaluddin	10/10/2023	Program eCA-i Coop Tour BR23 Wilayah Utara (Pulau Pinang)	Bank Rakyat & Angkasa Malaysia
5.	Shamshul Izanis bin Abd Talib	26/2/2024	Bicara Niaga "Transformasi Perniagaan Koperasi"	Bank Rakyat & SKM
6.	Latifah Binti Razali Norita Binti Zulkifly	27/6/2024	Bengkel Pendidikan Zakat Dalam Ekonomi Koperasi di Ixora Hotel, Jalan Baru, Perai	Angkasa Negeri Pulau Pinang

3. Keanggotaan

3.1 Jumlah anggota Koperasi KOSPEMA Berhad sehingga 31 Mac 2023 adalah seramai 593 orang.

4. Jawatankuasa Kecil

4.1 Bagi memantapkan pentadbiran dan pengurusan koperasi, KOSPEMA Berhad telah mewujudkan Sembilan (9) Jawatankuasa Kecil yang bertujuan untuk melancarkan dan melicinkan setiap aktiviti yang hendak dilaksanakan.

4.2 Untuk sesi tahun 2023/2024, Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi telah bersetuju dan melantik Anggota Lembaga seperti di bawah bagi mempengerusikan Jawatankuasa Kecil berikut:

BIL	NAMA	JAWATANKUASA KECIL
1.	Puan Noorita binti Zulkifly	Projek & Ekonomi
2.	Encik Shamshul Izanis Bin Abd. Talib	Pinjaman
3.	Puan Siti Hajar binti Omar	Insuran & Kebajikan
4.	Cik Azliza binti Ishak	Sosial & Pendidikan
5.	Puan Norihan binti Ismail	Lawatan & Pelancongan

LAPORAN TAHUNAN 2023 / 2024

6.	Puan Rosilah Binti Abd Rashid	Promosi & Publisiti
7.	Encik Mohd Naim bin Mohd Ali	Perniagaan & Pelaburan
8.	Encik Abdul Halim bin Yahaya	Keanggotaan & Keceriaan
9.	Encik Muhammad Nasir Bin Ramli	Teknologi Maklumat

5. Aktiviti Koperasi

Jawatankuasa Kecil Projek & Ekonomi - (Puan Noorita binti Zulkifly)

5.1.1 Jawatankuasa Kecil Projek & Ekonomi telah berusaha untuk mendapatkan beberapa projek bagi menambahkan ekonomi koperasi. Sehingga kini, antara projek yang telah berjaya diperolehi oleh koperasi adalah seperti berikut:-

- i. Perkhidmatan Membekal "Hand Soap" dan "Sanitary Bin" di Premis-Premis Majlis Bandaraya Seberang Perai, Bukit Mertajam selama dua (2) tahun bermula pada 1 Oktober 2022 sehingga 30 September 2024;
- ii. Membekal bahan minuman di Bilik Ahli Majlis MBSP;
- iii. Membekal suratkhbar kepada MBSP;
- iv. Membekal peralatan dan bekalan untuk program Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Persaraan;
- v. Membekal peralatan dan bekalan bendera sempena sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia; dan
- vi. Menguruskan program lawatan / kursus / seminar.

5.1.2 Bagi memantapkan pendapatan kewangan koperasi, Anggota Lembaga Koperasi sedang dalam proses mengenalpasti beberapa projek yang dijangka dapat meningkatkan lagi pendapatan koperasi antaranya menceburi dalam bidang-bidang seperti berikut:-

- i. Berusaha mendapat kontrak-kontrak MBSP dan kontrak luar;
- ii. Menguruskan jualan barangan elektrik / telefon kepada anggota;
- iii. Menguruskan jualan barangan emas.

LAPORAN TAHUNAN 2023 / 2024

5.2 Jawatankuasa Kecil Pinjaman - (Encik Shamsul Izanis Bin Abd. Talib)

5.2.1 Koperasi KOSPEMA Berhad telah mengeluarkan pinjaman kepada anggota-anggota yang berkelayakan tertakluk kepada syarat-syarat dan aturan-aturan yang sedia ada.

5.2.2 Sehingga kini, terdapat beberapa jenis pinjaman yang boleh dinikmati oleh anggota seperti berikut:

BIL	JENIS PEMBIAYAAN	HAD MAKSIMA	KADAR	TEMPOH
1.	Peribadi (Al Bai Al Inah)	RM3,001.00 hingga RM10,000.00	5%	60 bulan
2.	Peribadi (Al Bai Al Inah)	RM3,000.00 ke bawah	4%	36 bulan
3.	Perayaan (Al Bai Al Inah)	RM2,000.00	4%	24 bulan
4.	Pendidikan (Al Bai Al Inah)	RM2,000.00	4%	24 bulan
5.	Komputer (Al Bai Bithaman Ajil)	RM5,000.00	4%	60 bulan
6.	Kenderaan (Al Bai Bithaman Ajil)	RM5,000.00	4%	60 bulan
7.	Pelancongan (Al Bai Al Inah)	RM5,000.00	4%	60 bulan
8.	Pembiayaan Insuran / Road Tax	RM2,000.00	4%	24 bulan

5.2.3 Jawatankuasa Kecil Pinjaman amat berharap agar anggota-anggota yang berkelayakan membuat pinjaman daripada koperasi berbanding meminjam daripada bank-bank tempatan.

5.2.4 Walau bagaimanapun, had maksimum kepada mana-mana pinjaman adalah tidak melebihi RM10,000.00 dan tertakluk kepada keputusan Mesyuarat ALK Koperasi.

LAPORAN TAHUNAN 2023 / 2024

5.3 Jawatankuasa Kecil Insuran & Kebajikan - (Puan Siti Hajar binti Omar)

5.3.1 KOSPEMA Berhad telah menyertai Skim Insuran Berkelompok di bawah Hong Leong MSIG Takaful sejak 2014. Walau bagaimanapun pada Oktober 2023 KOSPEMA mengambil keputusan untuk memberhentikan caruman kepada Hong Leong MSIG Takaful memandangkan terdapat pelbagai masalah tuntutan yang tidak dapat dipenuhi oleh pihak insuran.

Pada 1 April 2024, pihak KOSPEMA telah mengambil inisiatif dengan membangunkan insuran kelompok di bawah pengendalian koperasi sendiri yang dinamakan skim Kumpulan Wang Perlindungan Anggota (KWPA) dengan menyediakan perlindungan dan faedah yang lebih baik dan lebih terjamin berbanding apa yang disediakan oleh pihak Hong Leong MSIG Takaful dengan potongan berjumlah RM12.00 sahaja kepada anggota.

5.3.2 Antara kemudahan dan kelebihan serta faedah yang boleh dinikmati oleh anggota yang menyertai skim KWPA adalah seperti berikut:-

- i. Faedah Khairat Kematian.
- ii. Faedah Kematian Akibat Kemalangan.
- iii. Bayaran premium dan bonus setelah bersara (matang).
- iv. Bayaran gantirugi disebabkan cacat kekal akibat daripada kemalangan / penyakit.
- iv. Faedah Masuk Hospital dan lain-lain.

5.3.3 Selain itu, untuk tahun 2023 / 2024 KOSPEMA Berhad telah memperkenalkan perkhidmatan memperbaharui cukai jalan dan lesen kenderaan di bawah Syarikat Takaful Insuran yang terpilih seperti berikut:-

Jumlah Anggota Memperbaharui Cukai Jalan & Insuran Kenderaan	Jumlah Amaun Cukai Jalan & Insuran Kenderaan	Jumlah Komisyen Kepada Koperasi
43 ANGGOTA	RM15,006.48	RM738.45

5.3.4 KOSPEMA berharap agar semua anggota koperasi dan warga kerja MBSP memperbaharui cukai jalan dan lesen kenderaan dengan menggunakan perkhidmatan dari KOSPEMA Berhad dan seterusnya mendapat hadiah-hadiah istimewa yang disediakan.

LAPORAN TAHUNAN 2023 / 2024

5.4 Jawatankuasa Kecil Sosial & Pendidikan - (Cik Azliza binti Ishak)

- 5.4.1 Koperasi KOSPEMA Berhad telah menyediakan Dermasiswa kepada anak-anak anggota yang berjaya mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan antaranya peperiksaan SPM(RM200.00), STPM/STAM(RM250.00).
- 5.4.2 Bagi tahun 2023/2024, KOSPEMA Berhad telah menyediakan dermasiswa kepada anak-anak anggota seperti berikut:-

Bil	Nama	Tahun 2024	Jumlah
1.	Mohd Hafizuddin Bin Mohd	SPM - 8A	RM200.00
2.	Husna Binti Abdullah	SPM - 8A	RM200.00
3.	Siti Haslinda Binti Hasan	SPM - 9A	RM200.00
4.	Rozman Bin Ariffin	SPM - 6A	RM200.00
5.	Anisha Binti A.Bakar	SPM – 8A	RM200.00
6.	Haslinda Binti Hamzah	SPM – 6A	RM200.00

- 5.4.3 Dermasiswa untuk tahun 2023/2024 masih dibuka kepada anak-anak anggota yang berkelayakan dan boleh dibuat dengan mengisi berjaya yang disediakan dan disertakan berjaya keputusan peperiksaan yang disahkan serta berjaya kad pengenalan / sijil lahir anak anggota.
- 5.4.4 Koperasi KOSPEMA Berhad juga menguruskan sumbangan Khairat Kematian kepada anggota / isteri / suami / anak / ibubapa berdasarkan jadual seperti berikut:-

Sumbangan Khairat Kematian	Kelayakan
Anggota Koperasi	RM1,000.00
Isteri / Suami / Anak-anak / Ibu / Bapa Anggota yang sah	RM200.00

LAPORAN TAHUNAN 2023 / 2024

5.4.5 Bagi tahun 2023/2024, KOSPEMA Berhad telah mengeluarkan sumbangan khairat kematian seperti berikut:-

Bil	No. Ktgn	Nama	Kematian	Tarikh kematian	Jumlah Sumbangan
1.	10154	Mohd Nizam Bin Awaluddin	Ibu	3/11/2023	RM100.00
2.	70403	Asmaniza Binti Mohd Akhir	Bapa	23/10/2023	RM100.00
3.	13335	Abd Ghaffar Bin Muhameddin	Bapa	10/1/2024	RM100.00
4.	13651	Dzulkifli Bin Sapar	Ibu	4/2/2024	RM100.00
5.	18085	Siti Nurhayati Binti Abdul Rahman	Ibu	20/2/2024	RM100.00
6.	10154	Mohd Nizam Bin Awaluddin	Bapa	20/4/2024	RM200.00
7.	11688	Muhazly Bin Said @ Morad	Anak	30/4/2024	RM200.00

5.5 Jawatankuasa Kecil Lawatan & Pelancongan - (Puan Norihan binti Ismail)

5.5.1 Jawatankuasa Kecil Lawatan & Publisiti telah merancang untuk mengadakan beberapa siri lawatan bagi sesi 2023 / 2024.

Antara program lawatan yang telah dirancang dan berjaya dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- i. Lawatan sambil melancong ke Pattani dan Haadyai pada 23/2/2024 hingga 25/2/2024 (3 hari 2 malam) yang disertai oleh seramai 8 orang ALK dan anggota KOSPEMA Berhad.
- ii. Lawatan sambil belajar dan membeli belah di Kuala Lumpur (Jalan Tar, Sogo, KLCC, Masjid Negara, Kenanga Wholesale City dan sekitarnya) pada 24 Ogos 2024 yang disertai oleh seramai 43 orang (3 ALK dan 40 anggota dan keluarga anggota).

5.5.2 Bagi sesi 2024 / 2025, KOSPEMA Berhad telah merancang untuk mengadakan beberapa siri lawatan dan melancong ke beberapa destinasi dalam dan luar negara antaranya:-

- i. Lawatan sambil belajar ke Kelantan dan Terengganu (Pasar Siti Khadijah, Wakaf Che Yeh, Pasar Masjid Terapung, Taman Tamadun Islam, Turtle Sanctuary dan Pasar Payang).
- ii. Lawatan / melancong ke pusat-pusat peranginan seperti Pulau Redang, Pulau Perhentian dan sebagainya.

LAPORAN TAHUNAN 2023 / 2024

- iii. Lawatan / melancong dan membeli belah ke Haadyai, Pak Bara dan sebagainya.

5.5.3 Jawatankuasa Kecil Lawatan & Pelancongan amat menghargai pandangan dan cadangan daripada anggota dalam menganjurkan program-program lawatan ke destinasi-destinasi yang menarik samada dalam negara ataupun di luar negara.

5.6 Promosi & Publisiti

- **(Puan Rosilah Binti Abd Rashid)**

5.6.1 Jawatankuasa Kecil Promosi & Publisiti dalam proses merancang dan merangka produk-produk baru yang bersesuaian untuk dipasarkan dan dipromosi samada di kalangan anggota koperasi, warga MBSP dan penduduk Pulau Pinang amnya.

5.7 Perniagaan & Pelaburan

- **(Encik Mohd Naim bin Mohd Ali)**

5.7.1 Jawatankuasa Kecil Pelaburan & Perniagaan dalam proses melihat projek-projek baru, pembelian aset dan hartanah dan mencari peluang-peluang yang bersesuaian bagi meningkatkan pendapatan koperasi.

5.7.2 Jawatankuasa ini juga dikhususkan memantau dan mengawasi projek-projek koperasi yang sedia ada seperti bayaran sewaan, pembaikan dan sebagainya di lokasi-lokasi seperti berikut:-

- a) Kedai KOSPEMA Berhad di Ibu Pejabat MBSP, Bandar Perda, Bukit Mertajam.
- b) Kafetaria Komplek Sukan MBSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam, SPT.
- c) Kompleks Makanan MBSP di Kg Jawa, Butterworth.

5.8 Keanggotaan & Keceriaan

- **(Encik Abdul Halim bin Yahaya)**

5.8.1 Jawatankuasa Kecil Kebajikan & Keanggotaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan keanggotaan ahli koperasi terutamanya anggota baru dan kakitangan di lapangan samada yang bertaraf tetap ataupun kontrak.

5.9 Teknologi Maklumat

- **(Encik Muhammad Nasir Bin Ramli)**

5.9.1 Jawatankuasa Kecil Teknologi Maklumat sentiasa mengemaskini semua aktiviti dan program yang diadakan di dalam Laman Web KOSPEMA yang bertujuan menyalurkan semua maklumat dan info berkaitan koperasi.

LAPORAN TAHUNAN 2023 / 2024

6. Penghargaan

Pengerusi dan Anggota Lembaga Koperasi KOSPEMA mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi tinggi penghargaan kepada pihak-pihak seperti di bawah yang telah memberi kerjasama, sokongan dan dorongan serta sumbangan kepada KOSPEMA dan berharap semoga usaha yang murni ini dapat diteruskan untuk kebaikan dan kesejahteraan kepada KOSPEMA.

Yang Berbahagia Datuk Bandar, MBSP
Tuan Setiausaha Bandaraya
Semua Ketua Jabatan MBSP
Semua Persatuan, Kelab dan Pertubuhan di MBSP
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Pulau Pinang
ANGKASA Negeri Pulau Pinang
Maktab Kerjasama Malaysia, dan
Semua Anggota KOSPEMA.

Sekian, terima kasih.

JAMALUDIN BIN MAT
Setiausaha
Koperasi Pekerja Majlis Bandaraya Seberang Perai Berhad
(KOSPEMA)



**KOPERASI PEKERJA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BERHAD
(KOSPEMA BERHAD) P-4-0256**

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TEMPOH 2023/2024

1. TUJUAN

Laporan tahunan inidisediakan adalah untuk mematuhi kehendak Subseksyen 49(2) Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil 52(2) untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-21/2024

2. KEANGGOTAAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD)

Keanggotaan JAD untuk tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2024 adalah seperti berikut:-

Pengerusi	- Puan Nazirah binti Darus
Ahli Jawatankuasa	- Encik Muhammad Taufiq bin Zainal Abidin
	- Puan Rasshadah binti Kechil

3. SKOP AUDIT

Laporan yang dibuat adalah berdasarkan hasil pengauditan terhadap hal-ehwal pentadbiran kewangan dan aktiviti-aktiviti koperasi yang dijalankan dari 1 April 2023 hingga 31 Mac 2024.

4. HASIL PENEMUAN AUDIT


Pihak kami mendapati keseluruhan rekod kewangan adalah teratur dan aktiviti kewangan Koperasi telah dilaksanakan seperti yang dikehendaki oleh Akta.

5. KESIMPULAN DAN PANDANGAN


Tertakluk kepada perkara-perkara di atas kami berpendapat bahawa pengurusan dan hal-ehwal koperasi telah dilaksanakan dengan baik sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 1995 dan Undang-Undang Kecil Koperasi Pekerja Majlis Perbandaran Seberang Perai Berhad.

6. PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH


Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pelaksanaan audit ini.


NAZIRAH BINTI DARUS
Pengerusi JAD

Tarikh: 24.9.2024


MUHAMMAD TAUFIQ BIN ZAINAL
ABIDIN

Ahli Jawatankuasa JAD
Tarikh: 24/9/2024


RASSHADAH BINTI KECHIL
Ahli Jawatankuasa JAD

Tarikh: 24/9/2024



KOPERASI PEKERJA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BERHAD
(KOSPEMA BERHAD) P-4-0256

PANDANGAN KETUA PENDAFTAR KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI BERAKHIR 31 MAC 2023

No Pendaftaran Koperasi : P-4-0256

**KOPERASI PEKERJA MAJLIS BANDARAYA
SEBERANG PERAI BERHAD**
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TAHUN PERAKAUNAN

31 MAC 2024

No Pendaftaran Koperasi : P-4-0256

**KOPERASI PEKERJA MAJLIS BANDARAYA
SEBERANG PERAI BERHAD**
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TAHUN PERAKAUNAN

31 MAC 2024

KANDUNGAN	PAGES
Maklumat Korporat	2
Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi	3 - 5
Laporan Juruaudit Bebas	6 - 8
Penyata Kedudukan Kewangan	9 - 10
Penyata Pembahagian Keuntungan	11
Penyata Untung atau Rugi	12 - 13
Penyata Aliran Tunai	14
Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan	15 - 26

No Pendaftaran Koperasi : P-4-0256

**KOPERASI PEKERJA MAJLIS BANDARAYA
SEBERANG PERAI BERHAD**

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

MAKLUMAT KORPORAT

MAKLUMAT ANGGOTA LEMBAGA

PENGERUSI	:	LATIFAH BINTI RAZALI
SETIAUSAHA	:	JAMALUDIN BIN MAT
BENDAHARI	:	SHAMSHUL IZANIS BIN ABD TALIB
AHLI LEMBAGA KOPERASI	:	ABDUL HALIM BIN YAHAYA
AHLI LEMBAGA KOPERASI	:	AZLIZA BINTI ISHAK
AHLI LEMBAGA KOPERASI	:	AHMAD ASRULDDIN BIN AHMAD KAMALUDDIN
AHLI LEMBAGA KOPERASI	:	NOORITA BINTI ZULKIFLY
AHLI LEMBAGA KOPERASI	:	SITI HAJAR BINTI OMAR
AHLI LEMBAGA KOPERASI	:	MUHAMAD NASIR BIN RAMLI
AHLI LEMBAGA KOPERASI	:	MOHD NAIM BIN MOHD ALI
AHLI LEMBAGA KOPERASI	:	ROSILAH BINTI ABD RASHID
AHLI LEMBAGA KOPERASI	:	NORIHAN BINTI ISMAIL
PEJABAT BERDAFTAR	:	JALAN PERDA UTAMA BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM PULAU PINANG
BANK UTAMA	:	BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD
JURUAUDIT	:	ABDUL RAJI & CO. CHARTERED ACCOUNTANTS B16-9, BLOCK B MEGAN AVENUE II 12 JALAN YAP KWAN SENG 50450 KUALA LUMPUR

No Pendaftaran Koperasi : P-4-0256

